



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 37 / 2022

URUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.017 PADANG SERAI

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang **Karupaiya A/L Mutusami** calon Pakatan Harapan bagi kerusi Parlimen P.017 Padang Serai yang **meninggal dunia pada 16 November 2022 (Rabu)**. Semoga keluarga mendiang tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.
2. SPR telah menerima Writ Pilihan Raya yang dipulangkan oleh Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya berkenaan menyatakan fakta berkaitan kematian calon yang dinyatakan di atas.
3. Sehubungan itu, SPR akan mengadakan **Mesyuarat Khas** pada **18 November 2022 (Jumaat)** bagi membincangkan penetapan tarikh-tarikh penting untuk urusan PRU Ke-15 Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai. **Satu Kenyataan Media akan dikeluarkan selepas mesyuarat tersebut.**

Sekian. Harap maklum.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

16 November 2022 / 21 Rabiulakhir 1444H

